

1. List of Accepted Application for Registration
Senarai Permohonan yang Disetujuterima untuk Pendaftaran
2. Details of Accepted Application for Registration (Pursuant to Section 13 of Geographical Indications Act 2022)
Butir-Butir Permohonan yang Disetujuterima untuk Pendaftaran (Menurut Seksyen 13 Akta Petunjuk Geografi 2022)

List of Accepted Application for Registration

Application Number

GI2022000009

Class

3

APPLICATION NO.	GI2022000009
DATE OF FILING	28 December 2022
REPRESENTATION OF GEOGRAPHICAL INDICATION	
CLASS 3	
LIST OF GOODS:	Fresh Pineapple, Cannery Pineapple
APPLICANT'S NAME/ ADDRESS /NATIONALITY/CAPACITY	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (NEGERI JOHOR)/ Jalan Abas Pontian, 82000 Pontian Malaysia / Malaysia / Government Agency

THE DEMARCATION OF THE GEOGRAPHICAL AREA TO WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION APPLIES



THE QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE GOODS FOR WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION IS USED

Johor merupakan negeri yang mempunyai keluasan penanaman terbesar dan lestari di Malaysia. Pada tahun 2020, negeri ini mencatatkan keluasan penanaman seluas 10,253 hektar iaitu 61 peratus daripada keseluruhan keluasan penanaman nanas negara. Nanas negara ini mempunyai kelebihan dari segi kualiti buah yang dihasilkan. Ia merangkumi aspek ciri-ciri buah seperti kadar kemanisan, berat, rupa dan juga aspek keselamatan makanan serta *Good Agricultural Practise (MyGAP)*. Penanaman Nanas di tanah gambut perlukan saliran berupa peparitan perlu dibina dahulu bagi tujuan menurunkan paras air yang sememangnya keadaan tanah gambut di Malaysia selalunya menakung air. Parit utama berukuran 1.5m x 1.2m x 1.2m perlu di gali begitu juga dengan parit kedua (1.2m x 0.9m x 0.9m) dan parit sokongan (0.9m x 0.9m x 0.6m). Saliran yang berlebihan pula akan mempercepatkan proses kesusutan mengakibatkan tanah kekeringan berterusan dan pertumbuhan pokok akan terganggu.

Terdapat lima jenis varieti nanas yang banyak ditanam iaitu Nanas Sarawak, Nanas Moris, Nanas Gandul untuk ditinkan (canned), Nanas Madu (Josapine) dan varieti MD2.

Suhu yang diperlukan untuk pertumbuhan optimum bagi tanaman nanas ialah di sekitar 30°C. Kekurangan cahaya pula boleh mengurangkan hasil sebanyak 10 – 20% dan mutu buah dari segi kandungan asid dan gula. Tanah yang di gunakan ialah jenis tanah alluvial, tanah asid sulfat dan tanah gambut. Nanas tahan kepada keadaan tanah masam (pH3.5 - 4.5) dan oleh sebab itu banyak kawasan tanah gambut ditanam dengan nanas.

Industri pengetinan nanas atau pengkalenan nanas dikatakan telah wujud lebih 100 tahun. Pengkalenan nanas secara komersial pada permulaannya telah dijalankan oleh orang-orang Cina di Singapura. Pengkalenan nanas telah dibawa ke Johor mulai tahun 1921 yang bermulanya penanaman nanas di Johor. Malah perkembangan tanaman nanas di Johor pada peringkat awal banyak dibantu oleh aktiviti nanas kaleng.

Nanas kaleng (Canned Pineapple) merupakan satu produk nanas yang digunakan untuk tujuan memanjangkan jangkahayat penggunaan buah nanas. Buah nanas dalam kaleng (dalam tin) bermaksud buah nanas yang diproses untuk memanjangkan masa simpan buah serta dapat mempertahankan nilai nutrisi, mempermudah cara pemasaran dan pengangkutan serta meningkatkan nilai ekonomi buah. Kebanyakan kilang nanas kaleng berada di Johor. Proses mengkaleng buah nanas adalah serupa dan bergantung kepada saiz industri.

Membuat buah nanas dalam kaleng perlukan bahan utama iaitu buah nanas segar dari ladang, gula, air dan juga peralatan seperti bekas jar (balang kaca) atau kaleng (plain tin cans), pisau tajam jenis 'stainless steel', alatan 'retort' atau pemanas, penutup kaleng (double seamer) dan dapur gas.

Oleh kerana Negeri Johor memiliki keluasan tanah gambut yang tinggi dan sesuai ditanam tanaman nanas maka kebanyakan penduduk di Negeri Johor mahir mengusahakan tanaman nanas dan kegiatan tanaman nanas ini adalah industri warisan yang diamalkan daripada orang terdahulu sehingga kini. Tanaman nanas ini juga menjadi sumber ekonomi utama penduduk tempatan di Negeri Johor. Pada tahun 1930 Pekan Nanas merupakan pengeluar nanas utama di Johor dan Malaysia sekali gus menjadikan namanya amat dikenali pada ketika itu. Bukan sahaja menjadi kawasan pengeluar utama tetapi dilengkapi dengan pembinaan sebuah kilang nanas.